

**SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP PERMASALAHAN  
PEMBELAJARAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR ANAK-ANAK YATIM MUSLIM  
DI KOTA TINGGI, JOHOR**

**RAHAYU BINTI MISRAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP PERMASALAHAN  
PEMBELAJARAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR ANAK-ANAK YATIM MUSLIM  
DI KOTA TINGGI, JOHOR

RAHAYU BINTI MISRAN

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2012

## DEDIKASI

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T mengurniakan segala-galanya

Segala kegembiraan ku tujukan buatnya  
Untuk Bonda tersayang *Hajah Jaminah Binti Marsin*  
Serta Allahyarham ayahdaku *Haji Misran Bin Sanusi*

Buat Bonda dan ayahda mertuaku  
*Panot Bin Haji Sirat dan Raemah @ Fatimah Binti Kadran @ Tajran*

Istimewa buat Suamiku tercinta  
*Hiasan Bin Panot*  
Yang banyak memberi dorongan, pengorbanan dan harapan

Putera Puteri  
*Muhammad Zharif Bin Hiasan dan Nur Zhaafiratun Nisa' Binti Hiasan*  
Anugerah Ilahi yang tidak ternilai

Buat keluarga tercinta  
*Rafidah, Siti Rahimah, Siti Raihana dan Siti Rabiah*

Tidak dilupakan pembantu rumah  
*Nur Wahyuni Binti Safri*

Terima kasih atas segala-galanya kejayaan ini adalah milik kita bersama.

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T yang maha pemurah, berkuasa lagi maha mengasihani dengan limpah kurniaNya telah menganugerahkan kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr Narina Binti A. Samah kerana memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat. Dorongan yang diberikan oleh beliau sebagai pemangkin kepada saya meneruskan perjuangan untuk menjayakan penyelidikan ini

Salam sayang dan sekalung budi tidak ternilai kepada bonda, ayah bonda mertua, suami, keluarga diatas kasih sayang, didikan, dorongan dan sokongan yang membina kepada saya. Buat teman-teman seperjuangan yang di kasihi terima kasih di atas bantuan dan tunjuk ajar kalian selama ini.

Penghargaan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi kerana banyak membantu saya memberi maklumat yang diperlukan dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga dengan Anak-Anak Yatim Islam ini turut memberi kerjasama semasa sesi temuramah dijalankan.

Buat akhirnya terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini. Semoga apa yang saya usahakan ini boleh diambil manfaat oleh pelbagai pihak dan mendapat ganjaran di dunia dan akhirat.

## ABSTRAK

Kajian yang dilakukan meliputi bidang kaunseling dan ia bertujuan untuk mengetahui permasalahan pembelajaran anak-anak yatim Muslim di Kota Tinggi dan permasalahan akademik anak-anak yatim Muslim di Kota Tinggi. Kajian ini juga merupakan kaedah kualitatif dan menggunakan kajian kes sebagai strategi kajian. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temubual yang melibatkan seramai enam orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa permasalahan pembelajaran anak-anak yatim Muslim di Kota Tinggi ialah disebabkan masalah dengan rakan sebaya, peribadi responden dan sifat malas yang ada dalam diri responden. Manakala permasalahan akademik anak-anak yatim Muslim di Kota Tinggi ialah disebabkan masalah tidak mampu untuk memahami mata pelajaran, tidak boleh menjawab soalan peperiksaan dan responden beranggapan mata pelajaran susah. Secara kesimpulannya kajian ini dapat memberikan gambaran tentang kedudukan sebenar permasalahan pembelajaran dan pencapaian akademik anak-anak yatim Muslim di Kota Tinggi. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberikan sumbangan terutamanya kepada pihak pengurusan asrama, pihak pentadbiran sekolah, guru bimbingan dan kaunseling dan guru mata pelajaran. Dapatan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak-pihak yang lain.

## **ABSTRACT**

This study was conducted on the area of counselling with an aim to explore the learning and academic problem and the Muslim orphans in Kota Tinggi. This study employed a qualitative method with the use of a case study. Data collection involved interviews with six participation. The sampel method used is purposive sampling. The obtained data analysed by using thematic analysis. From the conversations with the six Muslim orphans it were discovered that the learning problem among them were due to their problems with peers, personal mettle and their sense of laziness. While their academic problems were caused by the difficult to understand the subjects and the failure to answer examination question. In addition there students perceived that the subject were difficult. In conclusion, this study provides an indepth view on the learning and academic problem among the Muslim orphans in Kota Tinggi. The researchers that this study can provide some in others to orphans hostel management, the school administration and guidance and counseling teachers and the teachers the respective subjects. It also hoped that the findings and recommendations presented serve as a guide and reference to others involved.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
1	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	7
	1.3 Penyataan Masalah	12
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Kepentingan Kajian	14
	1.6.1 Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi	15
	1.6.2 Masyarakat	15
	1.6.3 Pihak Sekolah	16
	1.6.4 Guru bimbingan dan Kaunseling	16
	1.7 Batasan Kajian	17
	1.8 Definisi Konsep	17
	1.8.1 Permasalahan	17
	1.8.2 Pencapaian Akademik	18

	1.8.3 Pelajar	18
	1.8.4 Anak Yatim	19
	1.9 Kesimpulan	19
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>20</b>
	2.1 Pengenalan	20
	2.2 Konsep Pembelajaran	21
	2.3 Teori Pembelajaran	22
	2.3.1 Teori Behaviorisme	23
	2.3.2 Teori Kognitif	26
	2.3.3 Teori Kognitif Sosial	29
	2.3.4 Teori Konstruktivisme	32
	2.4 Teori Motivasi	35
	2.4.1 Teori Motivasi Pencapaian	37
	2.4.2 Teori Attribusi	39
	2.5 Kajian Terdahulu	41
	2.5.1 Kajian Dalam Negara	42
	2.5.2 Kajian Luar Negara	46
	2.6 Kesimpulan	50
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>51</b>
	3.1 Pengenalan	51
	3.2 Reka Bentuk Kajian	52
	3.3 Sampel Kajian	54
	3.4 Kaedah Pengumpulan Data	56
	3.4.1 Etika Dalam Prosedur Pengumpulan Data	59
	3.4.2 Etika Dalam Penggunaan Data	60
	3.5 Analisis Data	60
	3.5.1 Membiasakan Diri Dengan Data	62
	3.5.2 Menjana Kod Awal	63
	3.5.3 Mencari Tema	64
	3.5.4 Mengkaji Semula Tema	64
	3.5.5 Menentukan dan Menamakan Tema	65

	3.5.6 Menghasilkan Kajian	66
	3.6 Kesimpulan	66
<b>4</b>	<b>ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>67</b>
4.1	Pengenalan	67
4.2	Analisis Data Temubual	68
4.2.1	Membiasakan Diri Dengan Data	68
4.2.2	Menjana Kod Awal	70
4.2.3	Mencari Tema	71
4.2.4	Mengkaji Semula Tema	72
4.2.5	Menentukan dan Menamakan Tema	73
4.2.6	Menghasilkan Kajian	74
4.3	Dapatan Kajian Persoalan Pertama	77
4.3.1	Permasalahan pembelajaran disebabkan rakan sebaya	78
4.3.2	Permasalahan pembelajaran disebabkan sifat peribadi	81
4.3.2	Permasalahan pembelajaran disebabkan sikap malas	83
4.4	Dapatan Kajian Persoalan Kedua	84
4.4.1	Permasalahan pencapaian akademik disebabkan tidak dapat memahami mata pelajaran	85
4.4.2	Permasalahan pencapaian akademik disebabkan tidak boleh menjawab soalan peperiksaan	90
4.4.3	Permasalahan pencapaian akademik disebabkan mata pelajaran susah	93
4.5	Kesimpulan	96
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>97</b>
5.1	Pengenalan	97
5.2	Perbincangan Hasil Kajian Daripada Persoalan Pertama	98
5.2.1	Permasalahan pembelajaran disebabkan rakan sebaya	98
5.2.2	Permasalahan pembelajaran disebabkan sifat	101

	peribadi	
	5.2.3 Permasalahan pembelajaran disebabkan sikap malas	102
5.3	Perbincangan Hasil Kajian Daripada Kedua	103
	5.3.1 Permasalahan pencapaian akademik disebabkan tidak dapat memahami mata pelajaran	103
	5.3.2 Permasalahan pencapaian akademik disebabkan tidak boleh menjawab soalan peperiksaan	108
	5.3.3 Permasalahan pencapaian akademik disebabkan mata pelajaran susah	111
5.4	Implikasi Kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	113
5.5	Cadangan Kajian	116
	5.5.1 Pelajar Anak Yatim Muslim	117
	5.5.2 Guru Mata Pelajaran	117
	5.5.3 Pihak Pentadbir Sekolah	121
	5.5.4 Pihak Pengurusan Asrama	122
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	123
5.7	Rumusan : Refleksi	124
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	127
	<b>LAMPIRAN</b>	135
A	Surat Pengesahan Status Pelajar	136
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	137
C	Borang Persetujuan Penyertaan Kajian	138
D	Protokol Temuramah	139
E	Transkrip Temuramah Bersama Responden	140
F	Data Kod Yang Digunakan	212
G	Peta Tematik	215

**SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK MUKA</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.1	Pencapaian keputusan peperiksaan setengah Tahun 2011	10
1.2	Pencapaian keputusan peperiksaan akhir Tahun 2011	11
3.3	Bilangan pelajar mengikut umur	55
3.5	Fasa Analisis Tematik	61
4.2.1	Transkrip temuramah bersama responden	145
4.3	Data kod yang digunakan	212

**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.4.1	Model Motivasi Pencapaian	37
4.2.3.1	Permulaan Peta Tematik	215
4.2.3.2	Kemajuan Peta Tematik	216
4.2.3.3	Akhir Peta Tematik	217

**SENARAI SINGKATAN**

KDC	-	Kursus dalam cuti
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
PKAYI-KT	-	Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi
MRSM	-	Maktab Rendah Sains Mara
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMA	-	Sekolah Menengah
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
TEVT/ILKA	-	Institut Kamahiran dan Vokasional Awam
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
PBL	-	Pembelajaran Berasaskan Masalah
B&K	-	Bimbingan dan Kaunseling

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diperkenalkan di dalam sistem persekolahan di Malaysia bermula sejak awal tahun 1960an. Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran 1960 mengenai bimbingan dan kaunseling, adalah disarankan perlu menempatkan guru kerjaya yang membimbing pelajar dalam aspek bimbingan dan vokasional. Pada tahun 1963 pula, Kementerian Pelajaran menyarankan agar sekolah-sekolah di Malaysia diadakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, khususnya di sekolah-sekolah menengah (Mok, 2010). Diantara tahun 1960 hingga 1980, perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling hanya dilaksanakan di sesetengah sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sahaja, dengan perkhidmatan bimbingan kerjaya khususnya (Mok, 2010).

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini telah bertukar wajah apabila Perakuan 79 dikeluarkan. Dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) ini menegaskan tentang pentingnya perkhidmatan bimbingan dipertingkatkan lagi di sekolah-sekolah seperti dinyatakan dalam Perakuan 79.

“Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya di sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan panduan kerjaya sahaja”.

Mok (2010) dalam kajian Disiplin pula, Bab IV, perakuan-perakuan mengenai Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah diturunkan seperti berikut:

238. Dalam Rancangan Perkhidmatan Bimbingan dan Kerjaya Sekolah-sekolah sehingga ke tahun 1978, sejumlah 3,208 guru termasuk guru besar telah diberi kursus atau latihan asas di dalam perkhidmatan bimbingan dan kerjaya.

239. Murid-murid mudah sekali dipengaruhi dan terpengaruh oleh sesuatu yang menarik yang dapat dilihat dalam persekitaran mereka. Walaupun diakui bahawa sifat semula jadi kanak-kanak suka meniru-niru sesuatu yang menarik itu adalah baik tetapi peniruan itu tidak menghasilkan kemerosotan dan keruntuhan disiplin. Dalam hal ini, bimbingan daripada guru-guru amatlah diperlukan

239.1 Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan dan Kerjaya di sekolah-sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan-kegiatan panduan kerjaya sahaja.

Tindakan kepada laporan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Iktisas Bil 1/1979 mengenai senarai tugas Guru Panduan di sekolah menengah yang meliputi Panduan Pelajaran, Panduan Kerjaya, Panduan Peribadi dan Rancangan Mencegah Salahgunaan Dadah (Kementerian Pelajaran 2008).

Selain itu juga Kementerian Pelajaran telah berusaha sejak tahun 1969 lagi untuk memberi latihan kepada guru-guru yang menjalankan kegiatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah mereka. Beberapa jenis kursus telah diperkenalkan, di

antaranya ialah mulai tahun 1969 guru-guru bimbingan diberi peluang menghadiri kursus pendedahan bimbingan dan kaunseling anjuran Kementerian Pelajaran selama seminggu dalam masa cuti penggal persekolahan. Kursus yang seterusnya pada tahun 1973 untuk guru-guru sekolah menengah berasrama penuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Selain itu juga kursus Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling juga ditawarkan di Maktab perguruan pada tahun 1980, 1982 dan 1984. Kursus Diploma Kaunseling juga telah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia Pada tahun 1980 dan pada tahun 1987 di Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Pada tahun 1982 ini juga Universiti Pertanian Malaysia turut memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) selama empat tahun.

Seterusnya Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) Bimbingan dan Kaunseling-setahun di Maktab Perguruan dan dua tahun di IPTA (Universiti Putra Malaysia,Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia) dijalankan untuk dua kumpulan mulai 1996 sehingga 1999 dan 1997 sehingga 2000 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Susulan daripada kursus-kursus yang telah dijalankan pada bulan Ogos 1996, kumpulan pertama guru-guru yang mempunyai ijazah, diploma dan sijil dalam bidang bimbingan dan kaunseling dilantik sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Waran perjawatan juga dikeluarkan untuk Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa sekolah menengah dan sekolah rendah juga dikeluarkan pada 11 Januari 2002, Bil KP(PP)0050/SJ'B' Jld.24/(24) bertajuk WARAN PERJAWATAN BIL:S3 TAHUN 2002 yang membawa erti perjawatan ini perlu diisikan dengan tepat dan mengikut tangga gaji yang telah diluluskan. Nisbah Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa kepada murid adalah 1:500 bermula dengan 350 orang murid di sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Pada tahun 2001 Bahagian Pendidikan Guru dengan kerjasama maktab-maktab perguruan seluruh Negara telah menjalankan kursus 14 minggu bimbingan dan kaunseling kepada guru-guru sekolah rendah. Ia bertujuan untuk dilantik sebagai

guru bimbingan sepenuh masa di sekolah rendah. Seterusnya September 2002, kumpulan pertama guru sekolah rendah telah dilantik sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa. Seterusnya pada tahun 2005, Kumpulan pertama guru lepasan Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI) Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa mula berkhidmat di sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Pada 24 Mac 2009 Sektor Perguruan Kaunseling dan Disiplin ditubuhkan secara rasmi apabila Sektor Pengurusan Pembangunan Manusia dibahagikan kepada dua sektor dalam penstrukturan semua Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia. Sektor ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling kepada murid di seluruh Negara secara rasmi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Sehingga hari ini pelbagai perubahan dan pembaharuan diusahakan kearah keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Setiap tahun Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan menjalankan kajian dan pemantauan keatas pelaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah. Memandangkan keberkesanan yang dilaporkan di dalam Laporan Kajian Keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah Menengah. Kementerian terus menyalurkan perkhidmatan ini keperingkat sekolah rendah hingga kini. (Noor Ashikin, 2003).

Pengelolaan dan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah berteraskan kepada visi, misi, falsafah dan matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang telah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Mok, 2010). Visi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ialah Sekolah unggul penjana generasi terbilang. Manakala Misi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ialah membangunan potensi individu melalui pendidikan berkualiti Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Falsafah perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pula ialah pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Manakala sukatan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah telah dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu pengurusan dan pentadbiran, kecemerlangan akademik, bimbingan kerjaya, psikososial dan kesejahteraan mental, pembangunan diri pelajar, keibubapaan dan pendidikan pencegahan dadah, HIV dan AIDS.

Dalam konteks kajian ini perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan adalah untuk peningkatan kecemerlangan akademik. Antara bidang tugas yang dilaksanakan dalam kecemerlangan akademik ini adalah pemilihan mata pelajaran, ini melibatkan mata pelajaran teras, pemilihan mata pelajaran elektif dan pemilihan mata pelajaran mengikut minat kerjaya (Mok, 2008).

Selain itu bidang tugas yang kedua dalam kecemerlangan akademik iaitu penguasaan kemahiran belajar yang melibatkan kemahiran membaca, kemahiran mencatat dan mengambil nota, kemahiran mengurus masa, kemahiran mengurus diri, kemahiran mengurus persekitaran, kemahiran mendengar, kemahiran mengulangkaji, kemahiran menjawab soalan peperiksaan, kemahiran menghadapi peperiksaan dan kemahiran berfikir (Mok, 2008).

Seterusnya bidang tugas yang ketiga melibatkan maklumat penempatan murid yang merangkumi penempatan ke Sekolah Menengah Harian, penempatan ke Sekolah-sekolah Asrama Harian, penempatan ke Sekolah Asrama Penuh dan Integrasi, penempatan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), penempatan ke Sekolah Aliran Agama (SMKA, SMA), penempatan ke Sekolah Menengah Rancangan Khas, penempatan ke Sekolah Menengah Rancangan Khas Sukan, penempatan ke Sekolah Menengah yang lain (Sekolah Yayasan Saad, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri). Bagi menengah atas bidang tugas kaunseling melibatkan penempatan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Kemahiran dan Vokasional Awam (TEVT dan ILKA). (Mok, 2008).

Bidang tugas yang keempat pula melibatkan motivasi pencapaian akademik, iaitu cita-cita diri, menghargai masa, menentukan jadual belajar dan mengukuh ciri-ciri pelajar bermotivasi. Manakala bidang tugas yang terakhir melibatkan penentuan matlamat kehidupan yang merangkumi wawasan diri kearah kecemerlangan, menentukan matlamat jangka pendek dan jangka panjang, mengenal pasti faktor penghalang pencapaian matlamat, merancang proses menentukan matlamat, mengenal pasti faktor persekitaran mempengaruhi matlamat dan menegaskan kepentingan matlamat kehidupan (Mok, 2008).

Peranan dan tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Tinggi dalam menjalankan tugas untuk kecemerlangan akademik amat besar ini kerana ia melibatkan pengurusan pelajar seramai 1500 orang. Manakala pelajar Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam di Kota Tinggi yang bersekolah di sekolah ini seramai 45 orang yang terdiri dari tingkatan 1 hingga lima.

Bagi memastikan bahawa matlamat dan objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tercapai, kaedah penyampaian dan perkhidmatan kepada kumpulan

sasar iaitu kumpulan anak yatim ini adalah penting. Ini adalah kerana anak yatim adalah golongan yang terpinggir dan minoriti dikalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Tinggi. Status sosio ekonomi anak yatim ini juga rendah menyebabkan golongan ini perlu lebih diberi perhatian. Mok (2001) pula menyatakan unsur-unsur institusi keluarga yang mempengaruhi perkembangan individu termasuk pencapaian akademik ialah suasana rumah, makanan, asuhan dan status sosio-ekonomi keluarga.

Keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ini akan dapat mewujudkan anak yatim yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berketrampilan. Usaha-usaha untuk membina anak yatim yang terus maju ke arah hidup yang bermakna bagi kesejahteraan diri, masyarakat dan negara perlu dilaksanakan dengan secara seimbang dalam semua bidang teutamanya bidang akademik.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Kajian-kajian mengenai pencapaian akademik banyak dijalankan oleh pengkaji sebelum ini. Diantaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Zaleha (2005), kajian yang dijalankan oleh beliau adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di empat buah sekolah menengah luar bandar di Negeri Kedah Darul Aman. Seterusnya pengkaji juga mengkaji faktor-faktor yang mewujudkan perbezaan pengurusan pencapaian akademik pelajar sekolah efektif dan kurang efektif luar bandar di negeri yang sama. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan pencapaian akademik pelajar berkait rapat dengan lima faktor berikut: pengalaman pengetua, komitmen dan dedikasi guru, taraf sosio-

ekonomi ibu bapa dan penglibatan mereka dalam prestasi anak-anak serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan kemudahan sekolah yang lengkap.

Manakala kajian yang melibatkan anak yatim pula dijalankan oleh Jamaludin, Azizi, Nordin dan Siti Zainab (2004), kajian mereka bertujuan untuk mengenal pasti masalah kemurungan dalam kalangan penghuni rumah anak yatim. Selain itu kajian oleh Ab. Halim, Zuria dan Safani (2005) adalah bertujuan untuk mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin di negeri Selangor, khususnya di daerah Sabak Bernam.

Pengkaji sebelum ini hanya mengkaji mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik serta permasalahan kemurungan anak yatim dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin. Oleh yang demikian kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah lebih khusus kepada permasalahan pembelajaran dan pencapaian akademik anak-anak yatim Islam yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi.

Sejarah penubuhan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam ini ditubuhkan pada 3 Februari 1990 dibawah pentadbiran Pegawai Daerah Kota Tinggi merangkap sebagai Yang Dipertua. Manakala Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi pula sebagai Setiausaha. Setelah bangunan asrama siap dibina pada awal tahun 1995 pengambilan pertama telah dibuat. Seramai 29 pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan diterima masuk pada pertengahan tahun 1995. Menjadikan jumlah keseluruhan pelajar seramai 44 orang sehingga sekarang pelajar anak yatim seramai 68 orang (Profil dan Sejarah PKAYI-KT, 2011).

Dari segi aspek pengurusan asrama pula mereka memberi perlindungan dengan mengumpul dan memelihara anak-anak yatim Islam miskin di Daerah Kota Tinggi. Mereka juga memberi pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak yatim

Islam yang miskin. Selain itu juga pihak pengurusan memberi bantuan pelajaran berupa wang dan lain-lain keperluan yang berkaitan anak-anak yatim Islam yang miskin. Pihak pengurusan juga menjalankan perniagaan dan beriktiraf mendapatkan bantuan berupa wang atau harta benda daripada orang awam dengan mendapat syarat kebenaran daripada pihak berkuasa tertentu (Profil dan Sejarah PKAYI-KT, 2011).

Setelah melihat kepada sejarah dan bantuan yang di berikan oleh pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi ini, mereka telah memberikan sumbangan yang besar terhadap masyarakat di daerah Kota Tinggi. Oleh itu pengkaji juga mahu seiring menyumbangkan khidmat untuk membantu golongan minoriti ini dengan menjalankan kajian secara terperinci dan mendalam permasalahan yang berlaku di kalangan anak yatim ini sehingga mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik mereka.

Ini kerana faktor utama anak-anak yatim ini ditempatkan disini adalah kerana keluarga kurang berkemampuan untuk menampung persekolahan anak-anak mereka. Selain itu anak-anak yatim ini kematian bapa, menyebabkan ibu mereka tiada tempat bergantung dan terpaksa mencari kerja untuk menampung anak-anak. Disebabkan tiada penjaga sewaktu ibu keluar bekerja menyebabkan ibu tunggal memohon untuk menempatkan anak-anak di asrama ini (Profil PKAYI-KT, 2011).

Secara keseluruhannya pelajar yang tinggal di asrama anak yatim ini bersosio ekonomi rendah atau berlainan demografi menyebabkan mereka sangat berbeza dengan pelajar-pelajar lain di sekolah. Selain itu perbezaan dari segi pencapaian akademik juga dapat dilihat daripada keputusan Peperiksaan Setengah Tahun 2011 dan keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2011.

Jadual 1.1 berikut merupakan analisis prestasi data keputusan Peperiksaan Setengah Tahun 2011. Manakala Jadual 1.2 merupakan analisis prestasi data keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2011. Data ini menjadi bukti bahawa

pencapaian pelajar dalam peperiksaan setengah tahun masih rendah dan berada dalam tahap yang membimbangkan.

**Jadual 1.1 Pencapaian Keputusan Peperiksaan Setengah Tahun 2011  
Tingkatan Menengah Atas**

<b>BIL</b>	<b>PELAJAR</b>	<b>TINGKATAN</b>	<b>GRED</b>
1	<b>PL R</b>	<b>5 SS</b>	<b>1A-1C3D3E2G</b>
2	PP N	5 SS	2B+1C+2C1D3E1G
3	PP Z	5 SS	1B1C2D3E3G
4	<b>PL Zu</b>	<b>5 SS</b>	<b>1D3E5G</b>
5	PL H	4 MPV	1B+1B1C+1C3E2G
6	<b>PL A</b>	<b>4 GEOG</b>	<b>1C+4E5G</b>
7	PL N	4 SC 2	2A1A-1B1D3E2G
8	PL F	4 SC 1	1A-1B+2B1C+1C4G
9	PL Za	4 ST	1B+1C1D1E6G
10	PP Nu	4 SC 3	1A-1B+1B3C+2C2G
11	<b>PP M</b>	<b>4 SC 2</b>	<b>1B+1B1C+2E5G</b>
12	<b>PP A</b>	<b>4 SS</b>	<b>1C2D1E6G</b>
13	PP F	4 ST	1A-2B+1B1C+1C4G
14	PP L	4 SC 2	3A-1B+1D3E2G
15	P Ai	4 SS	1C+1C1D2E5G

Sumber : Profil dan Sejarah PKAYI dan Analisa Peperiksaan

Berdasarkan jadual di atas hanya enam orang sahaja yang berjaya memperoleh 1A- hingga 3A- dalam keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2011. Pelajar yang terbaik ialah PL N memperoleh 2A1A-1B1D3E2G dan diikuti oleh PP L 3A-1B+1D3E2G, selebihnya hanya empat orang pelajar mendapat 1A-. Secara keseluruhan 15 orang pelajar anak yatim ini gagal dalam satu hingga enam mata

pelajaran. Manakala responden yang terpilih hanya mendapat keputusan 1A-1C3D3E2G, 1D3E5G, 1C+4E5G, 1B+1B1C+2E5G dan 1C2D1E6G.

**Jadual 1.2 Pencapaian Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2011  
Tingkatan Menengah Atas**

<b>BIL</b>	<b>PELAJAR</b>	<b>TINGKATAN</b>	<b>GRED</b>
1	<b>PL R</b>	<b>5 SS</b>	<b>1A-1C3D3E2G</b>
2	PP N	5 SS	2B+1C+2C1D3E1G
3	PP Z	5 SS	1B1C2D3E3G
4	<b>PL Zu</b>	<b>5 SS</b>	<b>1C+1C2E5G</b>
5	PL H	4 MPV	1A-1B2C+1E4G
6	<b>PL A</b>	<b>4 GEOG</b>	<b>1A-1E8G</b>
7	PL N	4 SC 2	1A+2A-1C6G
8	PL F	4 SC 1	2A-1B+2C+1C4G
9	PL Za	4 ST	1A1B1C1E6G
10	PP Nu	4 SC 3	3A-1B+2B1C1E2G
11	<b>PP M</b>	<b>4 SC 2</b>	<b>1A1A-3C1D4G</b>
12	<b>PP A</b>	<b>4 SS</b>	<b>1A-2C+1C1D1E4G</b>
13	PP F	4 ST	1A2B1C+2C2E2G
14	PP L	4 SC 2	1A1B+1B2C2E3G
15	P Ai	4 SS	1A-1D2E6G

Sumber : Profil dan Sejarah PKAYI dan Analisa Peperiksaan

Berdasarkan jadual di atas sebelas orang sahaja yang berjaya memperolehi 1A+ hingga 3A- dalam keputusan peperiksaan akhir tahun 2011. Pelajar yang terbaik ialah PP Nu memperolehi 3A-1B+2B1C1E2G dan diikuti oleh PL F 2A-1B+2C+1C4G, seorang.1A+, empat orang 1A, dan empat orang 1A- Secara keseluruhan 15 orang pelajar anak yatim ini gagal dalam satu hingga lapan mata

pelajaran Manakala responden yang terpilih hanya mendapat keputusan 1A-1C3D3E2G, 1C+1C2E5G, 1A-1E8G, 1A1A-3C1D4G dan 1A-2C+1C1D1E4G

Anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam mereka semua menginginkan kecemerlangan dalam akademik tetapi disebabkan masalah dalam pembelajaran dan masalah dalam pencapaian akademik menyebabkan mereka gagal dalam dua, empat, lima, enam dan lapan mata pelajaran semasa peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2011. Pencapaian ini juga adalah amat menyedihkan kerana ternyata kualiti pembelajaran pelajar masih jauh ketinggalan walaupun ada usaha telah dicurahkan oleh pihak asrama dan sekolah.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pada tahun 2009 pihak pengurusan asrama telah mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Tinggi mengenai masalah disiplin dan pencapaian akademik pelajar asrama anak yatim. Oleh kerana pengkaji tidak menyertai perbincangan itu, pengkaji telah mendapat maklumat dari Penolong Kanan Petang. Hasil perbincangan dengan Penolong Kanan Petang, beliau mengatakan bahawa pihak pengurusan asrama tidak bekerjasama dengan pihak sekolah. Ini kerana pihak pengurusan asrama terlalu menyebelahi anak-anak yatim ini sehingga tidak mengakui kesalahan anak-anak yatim, ini menyebabkan disiplin dan pencapaian akademik anak-anak yatim menurun.

Oleh yang demikian pada tahun 2011 pengkaji berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai masalah anak-anak yatim, ini bertujuan supaya supaya tidak ada prajudis diantara pihak pentadbir terutamanya Penolong Kanan Petang dengan

pihak pengurusan asrama anak yatim ini. Pengkaji telah berurusan dengan pihak pentakbir asrama untuk mendapatkan maklumat, mereka memberi kerjasama yang sebaiknya dari segi mendapatkan maklumat am mengenai asrama sehinggalah temu bual dapat dijalankan bersama wakil pihak pengurusan asrama dan lima orang pelajar.

Setelah temu bual dijalankan permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran anak yatim ialah rakan sebaya, peribadi responden dan sifat malas yang ada dalam diri responden. Manakala permasalahan yang mempengaruhi pencapaian akademik anak yatim tidak mampu memahami mata pelajaran, tidak boleh menjawab soalan peperiksaan dan mata pelajaran yang dipelajari susah. Permasalahan ini dilihat pada peringkat menengah atas kerana ianya adalah untuk mempersiapkan pelajar keperingkat yang lebih tinggi setelah habis persekolahan dan keluar dari asrama. Ianya memerlukan pergabungan tenaga dalam membendung masalah ini. Punca masalah perlu dikenal pasti segera sebelum ianya menjadi barah yang sukar untuk diubati dan seterusnya memberi impak ke atas pencapaian akademik pelajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk meneroka dan memahami:

- 1.4.1 Permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi.

- 1.4.2 Permasalahan yang mempengaruhi pencapaian akademik anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1.5.1 Bagaimanakah permasalahan mempengaruhi pembelajaran anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi?
- 1.5.2 Bagaimanakah permasalahan mempengaruhi pencapaian akademik anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi. Kajian-kajian

terdahulu yang dijalankan sebelum ini hanya untuk mengkaji masalah kemurungan anak yatim.

Oleh itu, hasil kajian ini nanti diharapkan akan dapat menjadi panduan kepada semua pihak terutama guru mata pelajaran, guru bimbingan dan kaunseling dan pihak pengurusan asrama. Melalui kajian ini juga diharapkan memberikan impak yang positif kepada beberapa pihak seperti:

### **1.6.1 Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi**

Hasil dapatan ini nanti diharapkan dapat membantu pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota Tinggi untuk memahami dan mengenali permasalahan pembelajaran dan masalah pencapaian akademik yang dihadapi oleh penghuni-penghuni asrama anak yatim dan seterusnya mengambil inisiatif terbaik untuk menangani masalah yang mereka hadapi.

### **1.6.2 Masyarakat**

Melalui kajian ini juga maklumat dan pemahaman masyarakat terhadap isu anak-anak yatim dapat diperkayakan. Seterusnya, masyarakat akan tahu dengan lebih jelas dan menilai sendiri sejauh mana kesedaran mereka tentang perkembangan anak yatim dari segi fizikal, mental dan psikologi. Masyarakat juga dapat mengetahui permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik anak-anak yatim.

### **1.6.3 Pihak Sekolah**

Melalui dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak sekolah untuk memperbaiki atau mengatur semula program di sekolah dan dapat bekerjasama dengan pihak pengurusan asrama pelajar untuk menjalankan aktiviti atau program pembelajaran di asrama. Ini semua bertujuan bagi mengatasi permasalahan pembelajaran dan pencapaian akademik di dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar asrama anak yatim yang merupakan golongan minoriti di sekolah. Pihak pentadbir juga perlu memantau proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. dengan ini adalah diharapkan sekolah akan menjadi tempat yang selamat dan berkesan untuk mengikuti pendidikan dan sekaligus melahirkan generasi akan datang yang unggul dan berwawasan.

### **1.6.4 Guru Bimbingan dan Kaunseling**

Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu sedar tentang betapa pentingnya peranan mereka dalam mencorakkan masa depan pelajar anak yatim ini. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang jalankan adalah untuk peningkatan kecemerlangan akademik. Oleh yang demikian guru bimbingan dan kaunseling perlu menjalankan program dan sesi kaunseling individu dan kelompok yang lebih khusus untuk anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan dilaksanakan di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam di Kota Tinggi. Anak-anak yatim ini bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Tinggi kerana sekolah ini berhampiran dengan asrama. Manakala responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang telah menduduki peperiksaan setengah tahun dan akhir tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kota Tinggi.

## **1.8 Definisi Konsep**

Definisi konsep dan istilah yang jelas adalah penting di dalam memberi kefahaman sebenar tentang ruang lingkup kajian dan seterusnya membantu penyelidik menjalankan kajian dengan sempurna dan baik. Pentakrifan perkataan atau istilah yang tepat dapat dijadikan panduan dan landasan ke arah mencapai objektif dan tujuan kajian. Antara perkataan atau istilah tersebut ialah :

### **1.8.1 Permasalahan**

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah, (pelbagai) masalah, persoalan. Dalam konteks kajian yang dilakukan ini permasalahan yang dimaksudkan ialah permasalahan pembelajaran iaitu rakan sebaya, peribadi responden dan sifat malas. Permasalahan dalam pencapaian

akademik pula iaitu tidak mampu untuk memahami pelajaran, tidak boleh menjawab soalan peperiksaan dan responden beranggapan mata pelajaran susah.

### **1.8.2 Pencapaian Akademik**

Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), pencapaian membawa bermaksud apa yang dihasilkan, diperolehi atau prestasi. Akademik pula berkaitan dengan akademi (pusat pengajian tinggi) dan bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam). Dengan kata lain, pencapaian akademik lebih berfokus kepada gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang diduduki. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai gred yang baik bermakna mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan sebaliknya.

Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan adalah hasil keputusan Peperiksaan Setengah Tahun 2011 dan keputusan Peperiksaan Akhir tahun 2011 yang diperolehi oleh pelajar yang menjadi sampel kajian.

### **1.8.3 Pelajar**

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), pelajar bermaksud orang yang belajar (murid sekolah, penuntut di Maktab), orang yang mengkaji (menyelidik ilmu): sekolah menengah, universiti. Dalam kajian ini pelajar merujuk kepada anak-anak yatim yang tinggal di asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam tingkatan 4 dan 5, yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor.

#### **1.8.4 Anak Yatim**

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Anak : manusia atau binatang yang masih dalam kandungan atau yang baru lahir Yatim : anak yang kematian ibu atau bapanya~ piatu anak yang kematian kedua-dua ibu bapanya. Dalam konteks kajian ini sampel yang dipilih terdiri kematian bapa atau kematian kedua ibubapa.

#### **1.9 Kesimpulan**

Dalam bab ini, penyelidik telah menerangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi konsep dan operasional kajian. Oleh itu tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di Asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kota.

**BIBLIOGRAFI**

- Abdul Halim Tamuri, Zuria Mahmud dan Safani Baki (2008). Permasalahan Pelajar-Pelajar Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*, 30, 21-23.
- Abdullah Al Hadi (2002) *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria (2009). *Asas Pembelajaran Koperatif Dalam Matematik*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Ahmad Johari Sines (2009). Bab 11. *Teori Pembelajaran.*, 10, from <http://eprint.utm.my/10358/1/>
- Aini Aziz (2009). *Keberkesanan Pendekatan Pengajaran Konstruktivis Dalam Membina Semula Konsepsi Pelajar Terhadap Konsep-Konsep Fotosintesis Dan Makanan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Bandura,A. (1986). *Social Foundations Of Thoughts and Actions. A Social Cognitive Theory*. Eaglewood Cliff,New Jersey : Prentice Hall.
- Amanda Wong (2004). Meningkatkan keupayaan Menghafal Fakta dalam Penulisan Esei Ekonomi Asas Melalui Pendekatan Minda Bersistem. *Jurnal Ekonomi Asas*, 2, 1-6
- Analisa Keputusan Peperiksaan Setengah Tahun (2011). Johor: Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi.
- Analisa Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun (2011). Johor: Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi.

- Aziz Azhari (2005). *English Language Learning Strategy Used By Form 4 Students Of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor*. Penulisan Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azizi (2009). Edu 3103 Murid dan Alam Belajar. *Khas Untuk Guru Pelatih PISMP Sem 2 IPG Kampus Kota Bharu*, dari <http://mabjip.com/2009/10/teori-pembelajaran-sosial-bandura.html>
- Azizi Yahya, Noordin Yahya dan Juriah@Daing Junaidah Bachok (2009). Perkaitan Antara Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. *Jurnal Pendidikan*, 3, 13-24.
- Azizi Yahya dan Rohaya Ahmad (2002). Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah. *Jurnal Pendidikan*, 12, 33-34.
- Bhasar Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Quantum Books.
- Braun,V.& Clarker,V.(2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research in Psychology*,3, 77-101.
- Clark, J.V. (2006). *Redirecting Science Education*. Thousand Oak, CA: Corwin Press,Inc.
- Chellathai Valliappan (2004). *Permasalahan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 : Satu Tinjauan Di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru, Johor*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua, Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Cohen, L. dan Manion, L (1996). *Research Method in Education*. London : Routledge.

- Duquaine, J.M. (2006). Understanding and Combating the Digital Divide for Single Mother College Students A Case Study (Abstract). *Digital Divide for Single Mother College Students*, 25.562
- Fakrurrazi Ahmad (2000). *Masalah Rakan Sebaya Pada Usia Remaja di Sekolah Berasrama Penuh*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Fielding, C. dan Schreier, D (2001): *On writing qualitative research: living by words*. Routledge/Falmer.
- Ghafari Awang (2007). Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah. *Jurnal Pendidikan*, 32, 3-4
- Hamilton, K. (2009). Low-Income Families: Experiences and Responses to Consumer Exclusion (Abstract). *Low Income Families*, 29, 543.
- Jamaludin, Azizi, Nordin dan Siti Zainab (2004) Kemurungan Dalam Kalangan Penghuni Rumah Anak Yatim di Daerah Kota Bharu (Abstract). *Kemurungan Anak Yatim*, 2, 1
- Johari Sunif, Nor Hasniza Ibrahim dan Meor Ibrahim Kamaruddin (2004). Masalah Pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris di Kalangan Pelajar Tingkatan 2 Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan*, 33, 6-10
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, Yin Yin (2008). Keberkesanan Kaedah Penyelesaian Masalah Secara Kolaboratif Dalam Kalangan Pelajar Ekonomi Tingkatan 6. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Kumar, L. (1999). *Action learning and action research – Improving the quality of teaching and learning*. London: Kogan.

- Lee, Shuh Shing (2006). *Kajian Mengenai Pelajar Pencapaian Tinggi dan Pelajar Pencapaian Sederhana dalam Penyelesaian Sains dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Lee, Took Leon (2004). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kontekstual Dalam Matematik Tambahan*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Putera Malaysia.
- Marzita Puteh (2002). *Impak Model “The Bing Five” Personaliti, Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi Terhadap Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 di Zon Skudai Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2006). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod, dan Mohd Nazali Abu Bakar (2001). *Pola Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu*. *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature*. 7: 95-109.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (2004). *Delinkuen Juvenil dan Sosial Pencegahan, Pemulihan dan Isu Kontemporari*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Adzha Abdul Manan (2008). *Pembangunan Sistem Pengujian Soalan Berasaskan Aras Kognitif Bloom Bagi Topik Nisbah Tingkatan Dua KBSM*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noor Awang (2002). *Aspek-Aspek Persekitaran Rumah Tangga Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Setingan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Zawawi Ismail (2008). *Kesesuaian Isi Kandungan, Masa, Kemudahan Dan Alatan Dan Kaedah Tunjuk Cara (Demonstrasi) Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Teknikal Dari Perspektif Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Krai, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia;
- Mok, Soon Sang (2010). *Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn .Bhd.
- Muhamad Zaaba dan Zuraidah Ismail (2004). Motivasi Belajar dan Harga Diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah. *Journal article UUM*.187: 2-18
- Nabilah Ahmad (2004). *Pembelajaran Berasaskan Konsep Konstruktivisme dan Penyelesaian Masalah Fizik Pelajar Sains di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasriah Hussain (2007). *Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar*. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.
- Naswa Jusuh (2011). Hubungan Antara Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi dan Lokus Kawalan dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 3 Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Daerah Kulai Jaya. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim Kamisah Osman (2011). Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Journal article UKM*.187: 2-18
- Noor Ashikin Shahrom (2003). *Tahap Celik Komputer dan Kesan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa Daerah Kota Setar*. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.

- Norhasimah Ismail (2008). *Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan A Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah (2008). Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Papalia, D.E, Olds, S.W dan Fieldman, R.D (2009). *Human Development Eleventh Edition*. New York : Mc Graw Hill.
- Profil dan Sejarah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Kota Tinggi (2011). Johor: Zeti Enterprise
- Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (2012). Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004). *Psikologi Pendidikan, Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: MC Graw Hill.
- Razmah Man (2003). *Pedagogi*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Robert, E.D. (2011). Parents Socio-Economic Status And Pupils Education Attainment In Selected Primary Schools In Malaba Town Council (Abstract). *Socio-Economic Status And Pupils Education*, 11.61
- Saharin Dollah (2003). *Penerapan Nilai dalam Pengajaran Guru Matematik Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah .Universiti Sains Malaysia.

Santrick, J. (2001). *Educational Psychology*. New York: Mc Graw Hill

Santrock (2001). Teori Pembelajaran. *Topik 6 Teori Pembelajaran*, 5, dari <http://www.scribd.com/doc/6242419/>

Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Siti Rahimah Hassan (2000). *Pengaruh Stataus Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubor Besar, Kelantan Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.

Tengku Zawawi (2002). *Pembelajaran Koperatif*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Toh, Hon Leong (2000). *Motivasi Belajar dan Harga diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan KegiatanKokurikulum Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Tor, Geok Hwa (2004). *Masalah Pembelajaran Sejarah: Satu kajian Tindakan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda .Universiti Utara Malaysia.

Wan Noor Saliha Wan Mat Zin (2002). *Kedudukan Kewangan Keluarga Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

Yusup Hashim (2003). *Reka bentuk Instruksional dan Teknologi*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zaleha Sulaiman (2005). *Pengurusan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar: Kes Empat Buah Sekolah Menengah di Negeri Kedah*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak, dan Juriah Long (2002). Strategi Pembelajaran Bahasa Dari Segi Jantina Pelajar Cemerlang. Satu Kajian Perbandingan. *Proceedings International Conference on Education for All (ICEFA2002).*7: 63-77.

Zamri Mahamod (2005). Strategi Pembelajaran Bahasa Di Dalam Kelas Kepelbagaian Pelajar: Kemakmuran Bersama Dari Segi Pendidikan. Prosiding *Simposium Indonesia-Malaysia ke-9 (SKIM)*, Sesi VII.9.4,1-16.

Zamri Mahamod (2009) *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Pelbagai Etnik Bukan Melayu*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia;